

Peguam Syarie perlu mantapkan keilmuan Islam

SEREMBAN 4 Nov. - Peguam syarie pada masa ini perlu mempunyai latarbelakang keilmuan Islam yang mantap bagi menghadapi situasi semasa melibatkan syariah yang dilihat semakin membimbangkan.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin berkata, para peguam syarie perlu lebih dekat kepada masyarakat untuk memberi pemahaman bahawa undang-undang Islam adalah sesuatu yang boleh diterima oleh semua pihak.

"Kita perlu mempelajari perkara baharu yang tercetus dalam masyarakat dan menghayatinya supaya kita dapat menjadi peneraju kepada pembangunan masyarakat.

"Sebelum kita mengemukakan

sesuatu kepada masyarakat kita perlu mendekati dan membawa sesuatu yang mudah diterima oleh mereka tanpa lari dari landasan agama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutup dan penyampaian hadiah Pertandingan Mahkamah Moot Syariah peringkat kebangsaan kali ke-3 (PMMS 2014) di USIM, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Dr. Zulkiple Abdul Ghani; Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM, Dr. Syahirah Abdul Shukor dan Pengarah Pertandingan PMMS 2014, Dr. Lukman Abdul Mutalib.

Menurut Abdul Shukor, usaha meningkatkan kedudukan mahkamah syariah akan diterus-

kan supaya kedudukannya di negara ini dapat diterima oleh semua pihak.

"Saya mengharapkan terutamanya kepada bijak pandai dalam undang-undang syariah akan mengambil perhatian dalam usaha kita untuk memartabatkan mahkamah syariah," ujarnya.

Dalam pada itu, PMMS 2014 disertai oleh 10 pasukan daripada lima buah institusi pengajian tinggi iaitu USIM, Universiti Malaya (UM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Bagi Anugerah Hujahan Bertulis Terbaik, Anugerah Penghujahan Terbaik dan Juara Mahkamah Moot Syariah 2014 dimenangi oleh UM.



DR. ABDUL SHUKOR HUSIN menyampaikan hadiah kepada pemenang Juara Mahkamah Moot Syariah 2014 sambil diperhatikan oleh Dr. Zulkiple Abdul Ghani dan Dr. Syahirah Abdul Shukor (kiri) di majlis penutup dan penyampaian hadiah PMMS2014 di USIM, di Negeri Sembilan, baru-baru ini. - UTUSAN/MUHAMMAD ASYRAF AZLAN